

## Meniru kejayaan orang lain tidak memalukan

JOHOR BAHRU 20 Jan. — Sikap meniru kejayaan orang lain tidak seharusnya dianggap sebagai sesuatu yang memalukan, sebaliknya merupakan langkah pertama ke arah kejayaan yang lebih gemilang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri yakin apa yang ditiru itu akan menjadi lebih baik dari yang dihasilkan oleh penciptanya dan tidak mustahil ia menjadi ikutan orang lain pula.

"Kemajuan negara asing bukan tidak boleh diikuti, tetapi apa yang ditiru itu mestilah bertujuan membangunkan diri sendiri serta memperbaiki apa yang ditiru itu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Ekspo Pembangunan Sosio Ekonomi Negeri Johor di sini, malam tadi.

### Cekap

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi sebuah negara yang disegani sekiranya semua rakyat mempunyai keyakinan serta sanggup bekerja keras dan melakukan berkali-kali sehingga cekap dalam sesuatu bidang.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan pembangunan yang akan dicapai itu nanti tidak akan menghilangkan nilai-nilai murni dalam membentuk sebuah bangsa yang bermaruah.

"Kita mestilah maju dalam semua peringkat dan bidang tetapi mestilah mengekalkan sebagai bangsa yang berbudaya tersendiri, mulia dan tidak terpengaruh dengan kegiatan tidak sihat," katanya.

Sungguhpun begitu, beliau berkata, gejala tidak sihat itu tetap wujud dalam masyarakat di negara ini, walaupun segala usaha telah dilakukan untuk membendungnya.

Dr. Mahathir yakin rakyat negara ini mampu memenuhi Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Tiada siapa yang boleh menekan atau mengetepikan kita dari mencapai taraf negara maju dengan syarat rakyat negara ini yakin serta berdisiplin," tegasnya.